



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Industries

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.mafi.gov.my

SIARAN MEDIA

MAFI – AGROBANK METERAI MOU JALIN KERJASAMA STRATEGIK

SERDANG, 9 OGOS 2022 - Sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) Tahun 2022, Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan (MAFI) telah memeterai memorandum persefahaman (MOU) bersama Agrobank di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), hari ini.

Pemeteraian MOU tersebut ditandatangani oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan, Dato' Haslina Abdul Hamid, mewakili Kerajaan, manakala Agrobank diwakili Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, YM Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin, disaksikan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, dan Pengerusi Agrobank, Dato' Mustapha Buang,

MOU ini diharap dapat mewujudkan kerjasama dalam menyediakan perkhidmatan penyaluran dana kerajaan iaitu peruntukan projek MyAgrosis dan perkhidmatan kemudahan perbankan kepada pelajar di Pusat Bertauliah bawah seliaan Kerajaan dan ahli MyAgrosis melalui Bahagian Pembangunan Kapasiti dan Latihan Pertanian (BPKLP), MAFI.

Kerjasama bersama Agrobank ini turut melibatkan penyediaan perkhidmatan perlindungan takaful dengan kadar yang munasabah kepada pelajar yang sedang mengikuti program latihan melalui BPKLP selain turut menyediakan program dan modul latihan dalam bidang pengurusan kewangan kepada pelajar di Pusat Bertauliah.

Pelan perlindungan Takaful Pelajar adalah untuk memberikan perlindungan secara hybrid iaitu terhadap kemalangan / kematian biasa kepada pelajar yang dilindungi dengan penyertaan serendah RM30.00 setahun diberikan kepada pelatih Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM), dan sijil-sijil di bawah seliaan Jabatan iaitu Sijil Pertanian Malaysia (SIP), Sijil Veterinar Malaysia (SVM) dan Sijil Perikanan Malaysia (SP).

Sementara itu, Tengku Ahmad Badli Shah berkata, "Usaha untuk membantu seluruh peringkat komuniti khususnya yang kurang mendapat liputan dan perhatian (*unserved and underserved communities*) sentiasa menjadi keutamaan Agrobank. Ini adalah sejajar dengan prinsip Agrobank di mana amalan kemampanan yang terbaik telah menjadi nadi kami dalam memastikan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan dapat membantu sekali gus memberi impak kepada komuniti sasar kami."

"Kami di Agrobank menyedari akan kepentingan perlindungan takaful buat segenap lapisan masyarakat daripada pelbagai latar belakang termasuklah para pelajar. Justeru, kerjasama strategik di antara Agrobank dan MAFI melalui BLKP adalah bertepatan dengan prinsip Agrobank bagi memastikan para pelajar daripada BLKP turut dilengkapi dengan perlindungan takaful kemalangan yang sewajarnya menerusi pelan Takaful Pelajar Agrobank dengan bayaran RM30 setahun. Ini amat penting

bagi melindungi mereka daripada sebarang ketidakpastian yang mungkin berlaku di masa hadapan,” tambah beliau.

MAHA 2022 bertemakan “Sekuriti Makanan Untuk Masa Depan” atau “*Food Security for the Future*”, diadakan secara dwi-tahunan ini secara khusus adalah mengenai pertanian, hortikultur dan agro-pelancongan, bahkan ianya telah berkembang sehingga menjadi sebahagian daripada landskap acara negara yang mempamerkan kemajuan serta pencapaian Malaysia. MAHA pada kali ini diadakan selama 11 hari bermula 4 hingga 14 Ogos 2022.

MAHA 2022 juga menyediakan peluang kerjaya kepada golongan muda serta graduan yang sedang mencari pekerjaan menerusi Program Jamin Kerja dalam segmen Agro Job Fair. Lebih daripada 100 syarikat akan turut serta dalam program ini yang menawarkan lebih daripada 15,000 kekosongan jawatan dalam pelbagai sektor.

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
9 OGOS 2022**